

28/05/2002

KMC yakin capai sasaran lima syarikat terbaik

Ridzuan Yop

SASARAN Kia Motors Corporation (KMC) untuk menjadi antara lima syarikat automotif utama dunia menjelang 2010 bakal menjadi kenyataan berdasarkan kepada kemampuan dan pengukuhan semula syarikat berpangkalan di Korea Selatan itu.

Penggabungan KMC dengan Kumpulan Hyundai pada 1998, meningkatkan lagi kemampuan KMC, terutama dalam bidang Penyelidikan dan Pembangunan (R&D).

Penggabungan dua gergasi syarikat automotif Korea Selatan itu dilihat sebagai langkah penting, bukan saja menyelesaikan krisis ekonomi yang boleh menjejaskan kedua-dua syarikat itu, tetapi lebih penting menghasilkan kenderaan yang mampu memenuhi cita rasa pengguna.

Jenama Kia dan Hyundai kini bagaikan tidak dapat dipisahkan dalam industri automotif dunia, khususnya di Korea.

Bagaimanapun, dalam usaha dua syarikat gergasi itu mensasarkan untuk menjadi lima pengeluar kenderaan utama dunia, tempiasnya turut memberi kebaikan kepada Malaysia.

Baru-baru ini KMC menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) dengan Naza Kia Sdn Bhd (Naza Kia) di Seoul, Korea Selatan bagi mengadakan usaha sama untuk membina kemudahan pemasangan kenderaan keluaran Kia di Malaysia.

Melalui MoU itu, Naza Kia akan menjadi pengedar bagi beberapa komponen dan peralatan model tertentu keluaran KMC bagi Asia Pasifik.

Majlis menandatangani perjanjian itu disaksikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang membuat lawatan rasmi ke Korea Selatan baru-baru ini.

Dalam majlis itu, Naza Kia diwakili Pengarah Urusan Kumpulannya, Tan Sri SM Nasimuddin Amin.

Naza Kia adalah pemegang francais dan pengedar kereta keluaran Kia di negara ini dan sudah terbabit selama lebih 23 tahun dalam perniagaan mengimport dan menjual kereta.

Pada masa ini, Naza Kia dan KMC melaksanakan program pemasangan komponen secara tercurai (CKD) di Malaysia.

Projek pertama Naza Kia ialah pengeluaran model Spectra 1.6 liter (automatik) tahun lalu, yang dipasang sepenuhnya di luar Korea di loji pemasangan kenderaan Automotive Manufactures Malaysia, milik Kumpulan DRB-Hicom di Pekan, Pahang.

Naib Presiden Eksekutif Kanan yang juga Ketua Pegawai Operasi Bahagian Pemasaran dan Jualan Luar Negara KMC, Mark Myung-Hun Juhn, berkata bagi mencapai sasaran menjadi lima pengeluar utama dunia, KMC perlu mengukuhkan semua aspek organisasinya.

Myung-Hun yang ditemui wartawan Malaysia pada majlis menandatangani MoU itu, berkata, antara usaha itu termasuk mengukuhkan sektor pasaran dan pengeluarannya termasuk di Malaysia.

"Kami (KMC) memilih Malaysia untuk dijadikan tapak kilang kenderaan Kia kerana ia mempunyai banyak kelebihan untuk tujuan itu berbanding negara lain di rantau ini," katanya.

Korea Selatan dikenali sebagai pengeluar komponen kenderaan berkualiti tinggi yang mampu memenuhi cita rasa pelanggan pada kos lebih rendah berbanding pesaingnya.

Myung-Hun berkata, beliau yakin melalui Naza Kia, Malaysia mampu menjadi pusat pengeluaran bagi kenderaannya untuk pasaran seluruh rantau ini pada masa depan.

Beliau berkata, falsafah utama KMC adalah untuk membina dan meningkatkan kepuasan dan keyakinan pelanggannya di seluruh dunia terhadap imej serta jenama Kia,

"Kia perlu dinamik, kreatif dan penuh inovasi bagi bersaing dalam industri automotif," katanya sambil menambah, Kia perlu bekerja keras bagi mencapai wawasannya itu, terutama dalam memenuhi kehendak pelanggan.

Jenama Kia mula diperkenalkan di pasaran Malaysia pada 1996, dengan model pertamanya Kia Sportage dan sejak itu Naza Kia memperkenalkan beberapa lagi model Kia yang mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai.

"Ketika ini, Naza Kia mempunyai sokongan jualan melalui 58 rangkaian pejabat jualan dan 34 kedai yang menawarkan khidmat selepas jualan di seluruh negara," kata Pengurus Kanan Operasi dan Pentadbiran Naza Kia, Samson Anand George.

Katanya, tahun lalu saja dengan pelbagai promosi dan iklan yang diadakan, Naza Kia berjaya menjual lebih 5,000 unit kenderaan Kia pelbagai model serta muncul sebagai jualan tertinggi bagi kenderaan jenama Korea di negara ini.

Kia juga berjaya menguasai 13 peratus pasaran segmen kenderaan penumpang bukan nasional, yang terus mencabar pesaing terdekatnya terutama kenderaan buatan Jepun di negara ini.

Naza Kia akan membuka 35 lagi pejabat jualannya di seluruh negara termasuk di Alor Star, Pulau Pinang, Ipoh, Selayang, Johor Bahru dan Kuching tahun ini.

Tahun ini, Naza Kia akan melancarkan model baru Kia di negara ini, seperti Optima, New Carens, Pregio dan Sorento yang akan diperkenalkan selewat-lewatnya September ini.

KMC diasaskan sebagai yayasan korporat, Kyonseong Precision, pada 11 Disember 1944. Lapan tahun kemudian mengeluarkan kenderaan sulungnya - Samchonriho, basikal pertama buatan Korea.

Pada 1961, Kia menghasilkan motosikal dua roda C-100 dan tahun berikut menyaksikan trak kargo tiga roda K-360 di atas jalan raya.

Pada 1971, buat pertama kalinya nama Kia muncul sebagai Kia Service Corporation dan tiga tahun kemudian, Kia sekali lagi mencipta sejarah apabila menghasilkan kereta penumpang saiz kecil pertama buatan Korea.

Pada 1990, namanya ditukar kepada Kia Motors Corporation (KMC), sekali gus terus mengukuhkan kedudukannya sebagai antara pengeluar kenderaan terkemuka dunia dengan menubuhkan cawangannya di Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun.

Pada masa ini, keluaran Kia menembusi pasaran di 150 negara dengan 170 Cawangan di seluruh dunia.

Kia kini mempunyai kira-kira 30,000 pekerja dengan kapasiti pengeluaran tahunan 1.15 juta unit di tiga kilangnya di Korea.

Loji Hwasung mengeluarkan 600,000 unit setahun, Sohari (340,000) dan Kwangju (210,000 Unit).

(END)